



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 JUN 2019 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                    |    |
|------------------------------------|----|
| - Tanah runtuh : MPAJ hantar notis | 33 |
|------------------------------------|----|

**Harian Metro**

- |                              |    |
|------------------------------|----|
| - Siasat PBT terbabit rasuah | 24 |
|------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 JUN 2019 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tanah runtuh : MPAJ hantar notis
Muka Surat	33

## **Tanah runtuh: MPAJ hantar notis**



Yang Dipertua MPAJ, Datuk Abd Hamid Hussain (kiri) meninjau lokasi tanah runtuh membabitkan dua rumah di Kampung Pandan.

SH 18/6/19 ms 33

harian.

“Barangan seperti motosikal, peti sejuk dan perabot di dalam kawasan itu juga perlu dialihkan bagi mengurangkan beban ke atas struktur runtuh itu.

“Pemantauan tapak oleh pihak Jabatan Bangunan dan Senibina akan dibuat secara berkala sehingga kes selesai,” katanya.

Sabtu lalu, Balai Bomba dan Penyelamat Pandan Indah menerima panggilan kecemasan berhubung kes tanah runtuh.

Sepasukan anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat Pandan Indah bergegas ke lokasi. Mereka mendapati tanah runtuh melibatkan kaki lima dan pagar kediaman.

**AMPANG** – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengeluarkan notis kepada dua pemilik rumah yang terlibat dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Pandan di sini supaya membuat kerja pembaikan di lot masing-masing.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, tinjauan di lokasi mendapati tanah runtuh berpunca daripada penambahan dan pengubahsuaian tanpa kelulusan MPAJ.” - Norhayati

Beliau berkata, sebahagian struktur yang rosak itu adalah di dalam lot sempadan individu berkenaan. Kita akan mengeluarkan notis supaya membuat ker-

**Tinjauan mendapati struktur rumah yang rosak itu berpunca daripada pengubahsuaian tanpa kelulusan MPAJ.” - Norhayati**

ja baik pulih,” katanya kepada *Sinar Harian*.

“Struktur asal rumah berkenaan tidak terjejas dan stabil. Kita telah menasihati pemilik mengambil tindakan segera,” katanya.

Menurutnya, kawasan sebahagian penyambungan rumah itu berisiko dan tidak selamat untuk aktiviti



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
18 JUN 2019 (SELASA)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Siasat PBT terbabit rasuah
Muka Surat	24



LIU (tengah) bersama pemilik kedai mengadakan sidang media dan membuat laporan kepada SPRM berhubung kes rasuah dalam kalangan pegawai PBT.

18/6/19 ms 24

## Siasat PBT terbabit rasuah

**Shah Alam:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta menyiasat dakwaan beberapa anggota penguatan kuasa di salah satu pihak berkuastra tempatan (PBT) di negeri ini yang dikatakan terbabit dengan sah-laku rasuah.

Setiausaha DAP Selangor, Ronnie Liu berkata, pihaknya menerima maklumat daripada beberapa peniaga yang akan membuat satu operasi khas berkaitan papan

kenal di Kelana Jaya yang mendakwa penguat kuasa (SPRM) membeli-belah premis masing-masing dan meminta 'duit kopitiam'.

"Difahamkan, mereka membuat tawaran kepada peniaga agar membayar wang berjumlah RM100 hingga RM300 bagi mengelakkan tindakan oleh PBT yang akan membuat satu operasi khas berkaitan papan

tanda dan iklan.

"Menurut peniaga, kejadian berkenaan berlaku pada 30 Mei lalu iaitu sehari sebelum operasi berkenaan dilakukan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pejabat SPRM Selangor, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek berkata, ada beberapa peniaga yang terpaksa membayar se-

paun pada hari operasi ma-nakala premis yang membayar tidak dikenakan sebarang tindakan," katanya.

Justeru, beliau berkata, SPRM harus bertindak segera menyiasat perkara berkenaan bagi mengelakkan jenayah rasuah seperti itu terus merebak dalam organisasi seperti PBT.

"Peniaga yang enggan membayar dikenakan kom-

wasan lain di seluruh negara dan bukan PBT di sini saja malah tindakan penguatan kuasa berkenaan bukan saja mencemarkan nama baik PBT malah nama kerajaan.

"Oleh itu saya menggesa supaya peniaga atau orang ramai tamip membuat laporan berkaitan salah laku membebaskan anggota dan pegawai di PBT kawasan masing-masing," katanya.

## Pegawai minta 'duit kopitiam' disiasat

**Shah Alam:** Anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang didakwa terbabit dengan kes meminta duit kopitiam kepada peniaga di sebuah pusat beli-belah di Kelana Jaya pada hujung bulan lalu sudah diberhentikan rugasan di luar serta sedang menjalani siasatan dalaman.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru negeri, Ng Sze Han berkata, pihaknya sudah mengarahkan MBPJ untuk memberi kerjasama kepada

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Kerajaan Selangor tidak berkompromi terhadap sebarang kelakuan rasuah, penyelenggaraan dan penyaltunggunaan kuasa dalam pentadbiran negeri ini."

"Penerima dan pemberi suapan adalah salah sama sekali, orang ramai dinasihati supaya menjauhi pemberian suapan serta diminta membuat laporan segera sekiranya terdapat kelakuan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Sungai Pelek, Ronnie Liu membuat laporan di SPRM Selangor berhubung dakwaan penguat kuasa pihak berkuastra tempatan (PBT) itu yang meminta rasuah kepada peniaga di pusat beli-belah berkenaan.

Ronnie mendakwa, penguat kuasa terbabit membuat tawaran kepada peniaga agar membayar wang berjumlah RM100 hingga RM300 bagi mengelakkan premis mereka dikenakan tindakan oleh PBT yang akan membuat satu operasi khas berkaitan papan tanda dan iklan.